

21 OCT 2003

Rais-Mahathir

DR MAHATHIR TAK AKAN TARIK BALIK KENYATAAN MENGENAI YAHUDI, KATA RAIS

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan menarik balik kenyataan beliau mengenai Yahudi walaupun dikecam oleh Presiden Amerika Syarikat George W. Bush, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

"Apa yang Dr Mahathir sebut adalah kenyataan dan saya tidak fikir, beliau akan tarik balik ucapan beliau," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini ketika diminta mengulas mengenai kecaman Bush terhadap ucapan Perdana Menteri di Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya minggu lepas, bahawa "Yahudi memerintah dunia melalui proksi dan mereka meminta pihak lain berlawan dan mati untuk mereka".

Agensi berita asing melaporkan bahawa Penasihat Keselamatan Negara Amerika Syarikat, Condoleezza Rice, berkata di Bangkok semalam bahawa, Bush telah mengecam kenyataan itu sebagai sesuatu yang menimbulkan kebencian dan patut dibidas.

Mengenai laporan bahawa Bush menarik Dr Mahathir ke tepi untuk menyatakan pendiriannya itu semasa di Bangkok bagi menghadiri sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Rais berkata tindakan itu tidak beradab dan tidak menggambarkan kredibiliti Bush sebagai seorang presiden.

"Saya anggap itu sebagai satu kelakuan biadab, seolah-olah beliau mahu tentukan apa dan bagaimana seseorang harus berucap dan memperkatakan sesuatu," katanya.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak pula berkata ucapan oleh Perdana Menteri itu adalah satu realiti yang selama ini tidak ada sesiapaupun berani meluarkannya.

Beliau berkata kenyataan Dr Mahathir itu bukan membawa maksud terdapat masalah antara orang Islam dan Yahudi, tetapi adalah mengenai hak rakyat Palestin yang telah dirampas.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting berkata bahawa menjadi hak seseorang pemimpin negara untuk menyatakan pandangannya tentang apa-apa isu.

"Tidak ada kuasa yang boleh mengatakan Malaysia tidak boleh menyuarakan apa yang dirasakan betul," katanya.

Beliau berkata rakyat Malaysia perlu berdiri teguh di belakang Dr Mahathir bagi mempertahankan suara pemimpin negara mengenai sebarang ketidakadilan.

-- BERNAMA

HM NN MAI